



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (Pindaan) 1980

DR.25/1980

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (Pindaan) 1980 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 2 Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972 (yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu") adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja takrif "enterpris pelancungan" takrif baru yang berikut—

Pindaan bagi seksyen 2. Akta 72.

“enterpris pelancongan berdaftar” ertinya suatu enterpris pelancungan yang telah didaftarkan menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 14;”

Pindaan
bagi
seksyen 7.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan seksyen baru 7 dan 7A yang berikut—

“Perlan-
tikan Ketua
Pengarah,
Timbalan-
timbangan
Ketua
Pengarah,
Pengarah-
pengarah,
dll.

7. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melantik seorang Ketua Pengarah dan beberapa orang Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah yang difikirkan perlu oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh melantik beberapa pegawai dan penjawat lain yang difikirkannya perlu.

(3) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab kepada Pengerusi apabila bertindak bagi pihak Lembaga.

(4) Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah dan lain-lain pegawai dan penjawat Perbadanan hendaklah bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah.

(5) Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Perbadanan hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh, menerima apa-apa gaji dan elaun dan tertakluk kepada apa-apa syarat perkhidmatan mengikut sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

Kewajipan
dan kuasa
Ketua
Pengarah,
dll.

7A. Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-pengarah hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal ehwal Perbadanan dan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan dan kuasa sebagaimana yang di amanah atau diwakilkan oleh Lembaga atau Pengerusi Lembaga apabila bertindak bagi pihak Lembaga.”.

Seksyen
baru 12J,
12K, 12L
dan 12M.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 12J dengan seksyen baru 12J, 12K, 12L dan 12M yang berikut—

“Pemerik-
saan saksi-
saksi.

12J. (1) Seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis yang membuat sesuatu penyiasatan di bawah seksyen 12G boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan

mengetahui akan fakta-fakta dan hal ehwal kes itu dan hendaklah merekodkan dalam bentuk tulisan apa-apa kenyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

(2) Orang itu wajib menjawab semua soalan berhubung dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya boleh menyebabkannya terdedah kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau perampasan.

(3) Seseorang yang membuat sesuatu kenyataan di bawah seksyen ini menyatakan yang sebenar, sama ada kenyataan itu dibuat kesemuanya atau sebahagian daripadanya bagi menjawab soalan-soalan atau tidak.

(4) Seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis yang memeriksa mana-mana orang di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu akan peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (2) dan (3).

(5) Sesuatu kenyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini sama ada dia telah diberi amaran di bawah seksyen 12K atau tidak hendaklah, apabila mungkin, direkodkan dalam bentuk tulisan dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibujarinya, mengikut mana yang berkenaan, setelah kenyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa kematian itu dibuat dan setelah dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dikehendakinya.

Penerimaan
kenyataan
sebagai
keterangan.

12K. (1) Jika seseorang dipertuduh atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, apa-apa kenyataan, sama ada kenyataan itu berupa pangakuan salah atau tidak atau dibuat secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau

selepas orang itu dipertuduh dan sama ada dalam penyiasatan yang dibuat di bawah seksyen 12G atau tidak dan sama ada atau kesemuanya atau sebahagian daripadanya bagi menjawab soalan-soalan atau tidak, oleh orang itu kepada atau dalam pendengaran mana-mana pegawai berkuasa atau pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau lebih tinggi dan sama ada diterjemahkan atau tidak kepadanya oleh mana-mana pegawai berkuasa, pegawai polis atau orang lain, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dan, jika orang yang dipertuduh itu menawarkan dirinya sebagai seorang saksi, apa-apa kenyataan seperti itu boleh digunakan dalam pemeriksaan-balas dan bagi maksud mencabar kebenarannya :

Dengan syarat bahawa—

(a) tiada apa-apa kenyataan itu boleh diterima atau digunakan seperti yang tersebut di atas—

(i) jika pembuatan kenyataan itu pada pendapat mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji mengenai pertuduhan terhadap orang itu, yang datangnya dari seseorang yang berkuasa dan yang mencukupi pada pendapat mahkamah untuk memberi orang yang dipertuduh itu sebab-sebab yang akan didapatinya munasabah untuk menganggap bahawa dengan membuat kenyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa kejahatan dari jenis keduniaan berhubung dengan pembicaraan terhadapnya itu; atau

(ii) dalam hal sesuatu kenyataan yang dibuat oleh orang itu selepas dia ditangkap, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa dia telah diberi amaran dengan perkataan-perkataan berikut atau perkataan-perkataan yang bermaksud sedemikian:

“Adalah menjadi kewajiban saya untuk memberi amaran kepada kamu bahawa kamu tidaklah diwajibkan menyatakan sesuatu atau menjawab apa-apa soalan, tetapi apa jua yang kamu nyatakan, sama ada sebagai menjawab sesuatu soalan atau tidak, boleh diberi sebagai keterangan”; dan

(b) sesuatu kenyataan yang dibuat oleh mana-mana orang sebelum sempat dia diberi amaran tidak boleh menjadi taksah diterima sebagai keterangan semata-mata oleh sebab dia tidak diberi amaran tersebut asalkan amaran itu telah diberi dengan seberapa segera yang boleh.

(2) Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, seseorang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan yang baginya seksyen-kecil (1) dipakai tidaklah diwajibkan menjawab apa-apa soalan berhubung dengan kes itu selepas dia diberi amaran yang tersebut di atas itu.

Halangan
terhadap
penggele-
dahan, dsb.

12L. Mana-mana orang yang—

- (a) tidak membenarkan mana-mana pegawai berkuasa atau pegawai polis masuk sesuatu tempat;
- (b) menyerang, menghalang, merintangi atau melambatkan mana-mana pegawai berkuasa atau pegawai polis dalam

melakukan apa-apa kemasukan yang dia berhak melakukan di bawah Akta ini, atau semasa menjalankan apa-apa kewajipan yang ditanggungkan atau kuasa yang diberi oleh Akta ini; atau

(c) enggan atau cuai memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya secara munasabah dan yang mana ada dalam kuasanya untuk memberi,

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun.

Meng-
kompaun.

12M. Seseorang pegawai berkuasa boleh menurut budibicaranya mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan di bawah seksyen 14 sebagai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dengan cara memungut daripada orang yang secara munasabah disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak lebih daripada lima ratus ringgit.”.

Bahagian
VB baru.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja Bahagian VA Bahagian VB baru yang berikut—

BAHAGIAN VB

KUMPULANWANG AM

Kumpulan-
wang
Am.

12N. (1) Lembaga hendaklah menubuh dan mentadbirkan suatu kumpulanwang bernama Kumpulanwang Am yang disebut “Kumpulanwang” dalam Bahagian ini.

(2) Aset Kumpulanwang itu hendaklah menjadi harta Lembaga tetapi hendaklah disimpan berasingan daripada segala harta lain dan hendaklah dipegang atas amanah bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Bahagian ini.

(3) Kumpulanwang itu hendaklah mengandungi—

(a) wang-wang yang didapati daripada apa-apa sekuriti yang diberi menurut seksyen-kecil (1) seksyen 120;

(b) bunga dan keuntungan yang dari semasa ke semasa terakru daripada pelaburan Kumpulanwang itu;

(c) semua wang yang dimasukkan ke dalam Kumpulanwang itu oleh Lembaga; dan

(d) semua wang lain yang dimasukkan dengan sahnya ke dalam Kumpulanwang itu.

(4) Kumpulanwang itu boleh digunakan untuk—

(a) membayar apa-apa kos, caj dan belanja bagi menubuhkan, menyenggara dan mentadbirkan Kumpulanwang itu;

(b) membayar apa-apa kos, caj dan belanja Lembaga bagi mentadbirkan Bahagian ini; dan

(c) membayar apa-apa pemberian yang mungkin dibuat oleh Lembaga di bawah Bahagian ini.

Pembayar-
an kepada
Kumpulan-
wang.

120. (1) Lembaga boleh menghendaki mana-mana orang yang menjalankan sesuatu enterpris pelancungan berdaftar membayar kepada Kumpulanwang itu apa-apa sekuriti sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Apa-apa sekuriti yang dikehendaki hendaklah diberi dengan cara dan dalam bentuk yang diluluskan oleh Lembaga dan boleh, tertakluk kepada kelulusan itu, diberi dengan cara bon, gerenti atau apa-apa cara lain.

Pem-
bayaran
daripada
Kumpulan-
wang.

12P. (1) Jika dibuktikan dengan memuaskan hati Lembaga bahawa seseorang telah menanggung kerugian akibat—

(a) kecurangan di pihak seseorang yang menjalankan enterpris pelancongan berdaftar atau di pihak pekerja atau ejen orang itu; atau

(b) tak mampunya seseorang yang menjalankan enterpris pelancongan berdaftar untuk memenuhi tanggungan-tanggungannya semasa menjalankan perniagaannya,

Lembaga boleh, jika difikirkannya patut, membuat suatu pemberian kepada orang yang mula-mula disebut itu daripada Kumpulanwang itu bagi maksud meringan atau mengurangkan kerugian itu atau bagi maksud menolong orang yang mula-mula disebut itu menyelesaikan apa-apa kesulitan yang mungkin dihadapi oleh orang yang mula-mula disebut itu akibat dari apa-apa jua perbuatan orang yang menjalankan enterpris pelancongan berdaftar itu.

(2) Sesuatu pemberian oleh Lembaga di bawah seksyen ini boleh dibuat secara langsung kepada orang yang menanggung kerugian atau kepada mana-mana orang lain yang akan membuat perkiraan untuk mendapatkan bantuan bagi orang yang menanggung kerugian itu.

(3) Dalam membuat pembayaran di bawah seksyen ini, Lembaga boleh menurut budi-bicaranya menghadkan pembayaran yang dikeluarkan daripada Kumpulanwang itu kepada mana-mana orang atau golongan orang yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Pelaburan
wang dalam
Kumpulan-
wang.

12Q. Lembaga boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri yang hendaklah bertindak selepas berunding dengan Menteri Kewangan, melaburkan apa-apa wang dalam Kumpulanwang itu yang tidak dikehendaki

dengan segera untuk tujuannya, dalam pelaburan atau sekuriti yang dibenarkan untuk pelaburan wang-wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada sesuatu waktu tertentu.

Peraturan-peraturan.

12R. Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang untuk menjalankan peruntukan-peruntukan Bahagian ini pada amnya dan, tanpa menyentuh kuasa am itu, boleh membuat peraturan-peraturan—

- (a) untuk mengawal cara menggunakan atau merampas apa-apa sekuriti yang disebut dalam perenggan (1) seksyen 12o; dan
- (b) untuk mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada peruntukan-peruntukan Bahagian ini.”.

6. Seksyen-kecil (2) seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan yang berikut—

Pindaan
bagi
seksyen 14.

“(a) mengawal, melalui pendaftaran atau selainnya sesuatu enterpris pelancungan termasuk butir-butir, maklumat dan dokumen-dokumen yang dikehendaki diberi oleh pemohon, bentuk perakuan yang akan dikeluarkan apabila sesuatu enterpris pelancongan itu didaftarkan dan had-had serta syarat-syarat atau sekatan-sekatan yang akan dikenakan;

(b) menetapkan segala buku, akaun, termasuklah akaun amanah, dan rekod yang dikehendaki disimpan oleh sesuatu enterpris pelancungan berdaftar dan bentuk serta cara menyimpan buku, akaun dan rekod itu;”.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja seksyen 14 seksyen baru 14A yang berikut—

Seksyen
baru 14A.

“Per-
untukan
khas
berhubung
dengan pen-
daftar
enterpris
pelanco-
ngan.

14A. (1) Lembaga boleh membatalkan atau enggan membaharui pendaftaran sesuatu enterpris pelancongan berdaftar jika ia berpuas hati bahawa apa-apa syarat atau sekatan yang tertakluk kepadanya sesuatu pendaftaran itu dilakukan telah tidak dipatuhi oleh orang

yang menjalankan enterprais pelancongan berdaftar itu atau bahawa berterusannya pendaftaran itu akan melanggar mana-mana jua syarat.

(2) Tanpa menyentuh seksyen-kecil (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah untuk mengadakan peruntukan mengenai pembatalan pendaftaran atau alasan-alasan bagi menolak pembaharuan sesuatu pendaftaran.

(3) Sebelum membatalkan sesuatu pendaftaran, Lembaga hendaklah memberi kepada orang yang menjalankan enterprais pelancongan berdaftar itu notis secara bertulis tentang niatnya hendak berbuat demikian, dengan menyatakan tarikh, yang boleh tidak kurang daripada dua puluh satu hari selepas tarikh notis, bila pembatalan itu akan dilakukan dan meminta orang itu menunjukkan sebab mengapa pendaftaran itu tidak patut dibatalkan.

(4) Apabila Lembaga telah melakukan pembatalan sesuatu pendaftaran ia hendaklah memberitahu orang yang berkenaan dengan notis tentang pembatalan itu.

(5) Orang yang berkenaan dengannya pendaftaran itu telah dibatalkan boleh dalam tempoh tiga puluh hari notis itu disampaikan, atau dalam suatu tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Menteri, merayu secara bertulis terhadap pembatalan itu kepada Menteri; dan keputusan Menteri atas rayuan itu adalah muktamad.

(6) Jika seseorang memasukkan rayuan terhadap pembatalan pendaftaran, perakuan pendaftaran itu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga rayuan itu telah diselesaikan tetapi tanpa menyentuh perjalanan dalam tempoh sehingga itu akan kuasa-kuasa pembatalan yang diberi di bawah seksyen ini atas apa-apa alasan yang tidak diliputi oleh rayuan itu.

(7) Sesuatu pembatalan pendaftaran hendaklah berkuatkuasa—

(a) jika sekiranya tiada rayuan dibuat terhadap pembatalan, apabila tamat tempoh empat belas hari selepas Lembaga menghantar suatu pemberitahu secara bertulis;

(b) jika sekiranya ada rayuan dibuat terhadap pembatalan, apabila pembatalan itu disahkan oleh Menteri atau kerana sesuatu sebab rayuan itu ditolak oleh Menteri atau ditarikbalik.”.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja seksyen 21 seksyen baru 21A yang berikut—

Seksyen
baru 21A.

“Tanggu-
ngan
pengarah,
pekongsi,
dsb.

21A. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh sesuatu syarikat, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, setiausaha, pengurus atau lain-lain pegawai syarikat itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu, hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu dan ia boleh didakwa dan dihukum dengan sewajarnya melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa diper-setujui atau dibiarkannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha bagi mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya memandangkan kepada jenis tugasnya atas sifat itu dan kepada semua hal keadaan.

(2) Seseorang yang sepatutnya bersalah atas suatu kesalahan jika apa-apa perkara telah dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan olehnya sendiri adalah bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan oleh pekongsi, agen atau penjawatnya semasa menjalankan urusan perkongsian itu atau semasa menjalankan pekerjaannya, mengikut mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa

kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau persetujuannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah dilakukan atau ditinggal daripada dilakukan perkara itu.

(3) Tiada apapun dalam seksyen-kecil (2) boleh melepaskan seseorang pekongsi, agen atau penjawat dari apa-apa tanggungan bagi sesuatu kesalahan.”

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972.

2. *Fasal 2* bertujuan mengadakan takrif bagi istilah “enterprais pelancongan berdaftar” dan *Fasal 3* mengadakan peruntukan bagi perlantikan ke jawatan Timbalan-timbalan Ketua Pengarah yang baru.

3. *Fasal 4* memasukkan seksyen baru 12J, 12K, 12L dan 12M bagi memperuntukkan tatacara mengenai pemeriksaan saksi-saksi, tatacara mengenai penerimaan kenyataan yang dibuat dalam masa menjalankan penyiasatan sebagai keterangan, kesalahan-Kesalahan dan penalti-penalti kerana menghalang penggeledahan dan kuasa-kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan tertentu.

4. *Fasal 5* mengadakan peruntukan mengenai penubuhan suatu Kumpulanwang Am bagi maksud-maksud yang berikut:

(a) untuk membolehkan Lembaga di bawah Akta itu menghendaki mana-mana orang yang menjalankan sesuatu enterprais pelancongan berdaftar membayar carum-carum kepada Kumpulanwang Am itu dan memberi sekuriti bagi apa-apa amaun selanjutnya yang dikehendaki oleh Lembaga; dan

(b) untuk membolehkan Lembaga membayar pemberian daripada Kumpulanwang Am itu kepada orang-orang yang mengalami kerugian akibat dari perbuatan curang atau perbuatan ingkar oleh sesuatu enterprais pelancongan berdaftar.

5. *Fasal 6* membolehkan Perbadanan dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan untuk mengawal kegiatan-kegiatan mana-mana enterprais pelancongan dan *Fasal 7* memasukkan suatu seksyen baru 14A untuk membolehkan Lembaga bertindak terhadap mana-mana enterprais pelancongan berdaftar yang tidak mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan semasa pendaftaran dan untuk mengadakan peruntukan mengenai

rayuan-rayuan sekiranya berlaku sesuatu pembatalan pendaftaran. *Fasal 8* memperuntukkan tanggungan seseorang pegawai syarikat jika suatu kesalahan telah dilakukan oleh syarikat itu di bawah Akta itu atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 911.]

